

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : DALAM NEGERI

# 251,782 produk kesihatan dirampas

Oleh FARHANA JONI  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 27 OKT.

**S**EBANYAK 251,782 produk kesihatan yang bernilai RM2.8 juta dirampas kerana melanggar undang-undang dan disyaki mengandungi racun.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, ubat-ubatan tersebut adalah pil gugur, suntikan vitamin C, antibiotik, steroid dan pelbagai jenis lagi yang tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.

"Selain itu, 339 peniaga yang mengiklankan produk kesihatan dan melanggar undang-

undang telah diambil tindakan iaitu sebanyak 403 laman sesawang dan 723 akaun laman sosial disekat atau ditutup.

"Kesemua tindakan ini dilakukan menerusi operasi Operasi Pangea XI yang bermula dari 9 hingga 16 Oktober lalu," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Operasi Pangea XI merupakan kerjasama antara Bahagian Penguatkuasaan Farmasi Kementerian Kesihatan, Jabatan Kastam, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta CyberSecurity Malaysia.



NOOR HISHAM ABDULLAH

Dr. Noor Hisham berkata, operasi Pangea XI diselenggarakan oleh Polis ntarabangsa (Interpol) bersama 116 negara lain dalam usaha membanteras penjualan ubat-ubatan dan peranti perubatan yang berbahaya kepada pengguna secara dalam talian.

"Operasi kali ini menyasarkan tiga aspek utama iaitu pembekal perkhidmatan internet (ISP), sistem pembayaran elektronik dan perkhidmatan penghantaran ubat-ubatan iaitu kurier dan pos," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NASIONAL

# Ubat RM2.8j dirampas

*Menerusi operasi Pangea XI, jual produk kesihatan kepada pengguna atas talian*

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

SHAH ALAM

Operasi antarabangsa, Pangea XI berjaya membongkar penjualan ubatan dan peranti perubatan berbahaya kepada pengguna atas talian, sekali gus merampas pelbagai jenis ubatan bernilai RM2.8 juta.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah

berkata, operasi itu adalah penyertaan negara buat kali ke-6 yang diselaraskan Interpol bersama 116 negara lain.

Menurutnya, sebanyak 251,782 jenis produk kesihatan yang melanggar undang-undang dianggarkan bernilai RM2.8 juta dirampas

termasuk pil gugur, suntikan vitamin C, antibiotik, steroid dan produk kesihatan disyaki mengandungi racun.

"Selain itu, 339 peniaga yang mengiklankan produk kesihatan dan melanggar undang-undang juga diambil tindakan apabila 403 laman sesawang dan 723 akaun di laman sosial disekat atau di-



NOOR HISHAM

tutup.

"Sepanjang tempoh operasi, tindakan penguatkuasaan termasuk pemeriksaan di semua pintu masuk utama dan serbuan premis yang menjual produk kesihatan secara dalam talian turut dilaksanakan," katanya.

Operasi itu disertai Kementerian Kesihatan melalui Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Cybersecurity Malaysia (CSM) bermula 9 Oktober hingga 16 Oktober lalu.

Mengulas lanjut mengenai

operasi itu, Dr Noor Hisham berkata, Pangea XI kali ini mensasarkan tiga aspek utama iaitu pembekal perkhidmatan internet (ISP), sistem pembayaran elektronik dan perkhidmatan penghantaran (kurier dan pos).

"Sebanyak 144 kempen kesedaran pengguna turut diadakan sepanjang tempoh operasi ini bagi meningkatkan kesedaran mengenai risiko dan bahaya pembelian ubat-ubatan secara dalam talian.

"Pengguna dinasihatkan merujuk kepada professional penjagaan kesihatan sebelum menggunakan ubat-ubatan, selain tidak mudah terpengaruh dengan iklan atau testimonial di laman sesawang, dengan tuntutan perubatan tidak munasabah," katanya.